


Headaches



Untuk renungan dan amalan kita semua, InsyaAllah diberkati Allah, Amin...

Kepada penderita Migrain atau sakit kepala, amalkan ayat-ayat Allah ini. Berdasarkan kisah benar dari yang pernah melaluinya...

"Alhamdulillah..Saya adalah pengidap migrain akut yang menderita hingga ke tahap muntah dan hilang keseimbangan badan. Setiap kali ini berlaku, saya pasti akan mengambil Antacid dan Synflex. Antacid bertujuan untuk menyesuaikan perut sebelum mengambil Synflex iaitu

Ditujukan Khas untuk Penderita Sakit Kepala dan Migrain

Written by Al Khawarizmi

Tuesday, 20 April 2010 08:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:02

sejenis 'pain killer' yang jauh lebih kuat dari Panadol. Ini sedikit merisaukan hati saya kerana dengan mengambil 'pain killer' bermakna bakal menghadapi masalah kesihatan lain pada masa depan. Saya telah mencuba banyak kali untuk tidak mengambil Synflex, tetapi keadaan menjadi lebih teruk dan tidak terkawal.

Dengan petunjuk Allah, pada suatu hari ada seorang ustazah dari Singapura (maaf kerana sudah terlupa nama ustazah tersebut) telah mengirимkan email cara untuk mengatasi masalah migrain dan sakit kepala. Beliau menyuruh saya mengamalkan ayat-ayat Allah seperti dibawah. Setelah mengamalkan berulang kali, saya amat bersyukur kerana keajaiban muncul dan apa yang diamalkan memang berkesan. Subhanallah dan Alhamdulillah.

1. Baca surah Al-Fatihah (1 kali)
2. Baca Surah Al-Ikhlās (3 kali)
3. Baca Surah Yassin ayat 58 - 'Salaamun Qaulan Min Rabirrahim' (3kali)
4. Baca Salawat (3 kali)

Apa yang saya lakukan ialah dengan meniup diatas tapak tangan saya dan menyapukan ke kepala saya untuk seketika. Kemudian saya mengulangi kesemua langkah diatas sekali lagi. Saya harap dengan perkongsian pengalaman ini akan mendorong kita untuk lebih yakin dengan ayat-ayat Allah."

RAHSIA SURAH YASSIN AYAT KE 58...

Barangsiapa yang membaca YAASIN sepenuhnya dan pada ayat ke 58 surahtersebut 'SALAAMUN QAULAN MIN RABBIN RAHIM' diulang sebanyak 7 kali untuk 7 niat baik mu, Insya Allah dengan izin Yang Maha Esa dan Maha Kuasa, semua hajatmu akan dikabulkan.

Jika boleh niatkan sebegini:

- 1) YA-ALLAH YA-RAHIM, ampunkan dosa-dosaku dan saudara-maraku...
- 2) YA-ALLAH YA-RAHMAN, kurniakan aku isteri,suami,anak-anak yang soleh dan mencintai Islam...

Ditujukan Khas untuk Penderita Sakit Kepala dan Migrain

Written by Al Khawarizmi

Tuesday, 20 April 2010 08:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:02

- 3) YA-ALLAH YA-RAZZAK, kurniakan aku rezeki yang berkat, kerja yang baik dan berjaya didunia dan akhirat...
- 4) YA-ALLAH YA-JABBAR, makbulkan hajat penghantar maklumat yang aku dapat ini...
- 5) YA-ALLAH YA-MUTAQABBIR, jauhkan aku dari sifat khianat dan munafiq dan miskin ...

- 6) YA-ALLAH YA-WADUUD, kurniakan aku dan seluruh umat Muhammad yang beriman kesihatan zahir batin...
- 7) YA-ALLAH YA-ZALJALA LIWAL IKRAM, makbulkanlah semua hajatku, dan redhaikanlah aku..... AMINnnnn.

Sampaikan dakwah ini kepada sahabat anda. Tiada kerugian bahkan digalakkan kerana pahala dan keberkatan menanti anda. Ikhlaslah hati mu dalam menyampaikan dakwah ini kerana Allah."

Ditujukan Khas untuk Penderita Sakit Kepala dan Migrain

Written by Al Khawarizmi

Tuesday, 20 April 2010 08:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:02



 **KLIK DI SINI !**
KEMBALI KE KOLEKSI UTAMA ARTIKEL

[Banyak Punca Sakit Kepala dan Migrain yang Tidak Diketahui, Ini Punca-punca yang Perlu Anda Ketahui](#)